

Kesesatan berlaku kerana mudah terima seseorang sebagai ulama — PM

UM 26 NOV 1988

Oleh
Kamal Zailani



ulama — PM

KELANA JAYA 25 Nov. — Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad mengingatkan masyarakat Islam bahawa kesesatan yang berlaku di kalangan mereka ialah kerana wujudnya sikap mudah menerima seseorang sebagai ulama.

Tegas Perdana Menteri, masyarakat Islam seharusnya berhati-hati dan tidak mudah terpedaya dengan menerima sesiapa sahaja sebagai ulama hanya dengan dakwaan dirinya sebagai Imam Mahadi atau sahabatnya dan boleh pula bertemu dengan Nabi Muhammad di alam ghaib.

Kesilapan memahami agama Islam, kata beliau, mungkin boleh menimbulkan berbagai masalah sehingga menyebabkan tercetusnya peperangan dan pergaduhan sesama sendiri.

"Islam tidak boleh diambil dalam bentuk serpihan dengan mengutamakan hanya beberapa ciri yang dikira sesuai dengan kehendak nafsu semata-mata," ujar beliau ketika merasmikan ijtimak ulama ke-5 di sini hari ini.

Datuk Sri Dr. Mahathir kesal kerana dalam suasana pemimpin - pemimpin berusaha mengekalkan perpaduan umat, kumpulan ini menonjolkan pula isu-isu usang yang mengelirukan masyarakat semenjak berabad lalu seperti tarikat - tarikat kabur, tarikh kiamat, di mana

Imam Mahadi berada, siapa dia dan bila ia akan muncul.

Katanya, hal-hal tersebut, bukanlah persoalan yang boleh ditentukan oleh sesiapa malah sejarah telah membuktikan bahawa kesilapan memahami akan hal itu telah menyebabkan rosak aki-

dah di samping perpecahan di kalangan masyarakat.

Menurut Perdana Menteri, ajaran yang mereka kemukakan lebih menonjolkan kepada soal serban, jubah purdah, Imam Mahadi atau poligami sebagai tanda keislaman.

Tambah beliau, walaupun baru mengenali beberapa aspek agama, mereka sudah pandai-pandai membentuk dan memperalatkan pengaruh agama untuk maksud - maksud tertentu.

"Oleh kerana topeng agama menyelamatkan mereka daripada tegur-

an, sekarang ini mereka menjadi begitu angkuh sehingga mendakwa mereka lebih layak mentadbir hal-hal agama di negara ini," tegasnya.

Perdana Menteri mendedahkan tingkahlaku kumpulan ini yang menafsir Islam mengikut ke-

LIHAT MUKA 2

Kesejahteraan berlaku

UM 26 NOV 1988 kerana mudah diterima seseorang sebagai ulama

hendak mereka sehingga akidah ahli-ahli kumpulan mereka sudah terseleweng.

Kata beliau, "kerana taksud dengan kejayaan mempengaruhi golongan tertentu, terutama kaum wanita, kumpulan ini bukan sahaja mengganggu pelajar - pelajar yang sedang menuntut ilmu, tetapi menyesatkan kefahaman agama para penuntut supaya menerima segala kehendak mereka."

"Perbuatan melarikan anak orang tanpa pengetahuan dan tanpa kebenaran ibu bapa sekarang ini semakin kedengaran," ujarnya.

Menurut Datuk Sri Dr. Mahathir, semangat berkelompok tidak digalakkan di dalam Islam kerana setiap orang Islam adalah bersaudara.

Kata Perdana Menteri, Rasulullah sendiri menghapuskan semangat itu dengan mempersaudarakan antara Auz dan Khazraj, dan antara Muhajirin dan Ansar ketika baginda berhijrah ke Madinah Al-Munawwarah.

Beliau mahu para alim ulama memainkan peranan penting bukan sa-

haja membimbing anggota masyarakat dalam hal-hal ibadat, tetapi juga ke arah menentukan cara hidup dan tindakan yang secocok dengan ajaran Islam.

Menurutnya, tradisi keilmuan yang diwarisi daripada para ulama sebelum merdeka, iaitu menyebarkan ajaran Islam bukan atas desakan semangat berkelompok dan bukan pula dengan tujuan untuk mencari pengaruh, populariti atau kepentingan diri harus dicontohi.

Perdana Menteri me-

nyediakan lebih banyak golongan pelapis di kalangan mereka bagi menghadapi keadaan dan suasana yang melanda masyarakat dari semasa ke semasa.

"Sudah sampai masanya ulama kita menghasilkan buku-buku rujukan yang muktabar dalam bahasa kebangsaan, sama ada terjemahan atau karya sendiri bagi mengelakkan umat Islam di negara ini terpengaruh dengan kitab - kitab yang dikarang oleh ulama yang berkepentingan," katanya.

Ketika menjawab per-

tanyaan para pemberita yang bertanya adakah Pertubuhan Arqam yang beliau maksudkan, Perdana Menteri memberitahu, "masing - masing boleh membuat tafsiran sendiri."

Datuk Sri Dr. Mahathir menambah, "saya tidak boleh bercakap secara spesifik kerana apa yang saya sebutkan adalah secara umum."

Kepada pertanyaan mengapa tindakan tidak diambil terhadap kumpulan - kumpulan tersebut, beliau menjawab, yang penting mestilah ada kesedaran dalam masyarakat.

Kerajaan, katanya, tidak boleh bertindak berkenaan perkara agama, melainkan orang - orang agama sendiri yang ber-

buat demikian.

"Kita tidak boleh mengambil tindakan melainkan ada laporan tetapi kita dapati ramai yang terlibat seperti kehilangan anak, enggan membuat laporan," katanya.

Beliau berpendapat, jika keadaan ini terus berkembang tanpa sebarang usaha diambil untuk membendungnya, ia mungkin akan sampai ke tahap mencemaskan.

Ijtimak tiga hari itu dihadiri oleh mufti - mufti, alim - alim ulama, tokoh guru dan tokoh agama yang berpengaruh.

Pertubuhan Darul Arqam yang dijemput untuk turut membincangkan beberapa masalah semasa bagaimanapun tidak menghantar sebarang wakil.